

## 1 Apakah yang dimaksudkan dengan nafkah?

Nafkah ialah mengeluarkan belanja atau sara hidup kepada mereka yang wajib ke atas seseorang sama ada isteri, anak dan orang-orang yang di bawah tanggungannya. Ia termasuk keperluan tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, keagamaan dan perubatan.

## 2 Apakah sebab-sebab yang mewajibkan nafkah?

Sebab-sebab yang mewajibkan nafkah atas seseorang adalah seperti yang berikut:

- (a) perkahwinan;
- (b) keturunan;
- (c) kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga (contoh: anak angkat).

## 3 Apakah jenis-jenis nafkah?

Jenis-jenis nafkah adalah seperti yang berikut:

- (a) nafkah isteri – semasa perkahwinan;
- (b) nafkah idah;
- (c) nafkah anak.

## 4 Siapakah yang wajib menanggung nafkah anak?

Seorang bapa wajib menanggung nafkah anaknya. Jika bapa tiada, tanggungan berpindah mengikut susunan tertib wali.

## 5 Bilakah mahkamah boleh mengeluarkan perintah nafkah bagi isteri dan anak?

Mahkamah boleh, pada bila-bila masa, memerintahkan seseorang bapa untuk membayar nafkah anaknya –

- (a) jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan nafkah dengan munasabah bagi anak dan/atau isterinya;
- (b) jika dia telah meninggalkan langsung isterinya, dan anaknya itu adalah dalam penjagaan isterinya;
- (c) dalam masa menanti keputusan sesuatu perbicaraan hal ehwal suami isteri di mahkamah; atau
- (d) apabila membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang lain.

## 6 Bagaimanakah nafkah isteri dan anak ditaksirkan?

Jumlah nafkah yang perlu diberikan oleh suami kepada isteri atau bapa kepada anak adalah bergantung kepada faktor berikut:

- (a) pendapatan dan tanggungan Pihak Yang Kena Tuntut;
- (b) keperluan isteri dan anak-anak;
- (c) umur anak-anak.

## 7 Berapa lamakah tempoh perintah nafkah anak berkuat kuasa?

Pada umumnya, perintah nafkah anak berkuat kuasa sehingga usia anak 18 tahun atau sehingga dibenarkan oleh Mahkamah. Bagi anak perempuan, perintah nafkah tersebut berkuat kuasa selagi belum berkahwin.

## 8 Bagaimanakah nafkah boleh dilaksanakan?

Pelaksanaan nafkah boleh dibuat melalui –

- (a) pembayaran terus; atau
- (b) potongan gaji/penahanan pendapatan.

## 9 Adakah sesuatu perintah nafkah boleh diubah atau dibatalkan?

Mahkamah boleh, pada bila-bila masa, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah nafkah yang sedang berkuat kuasa atas permohonan mana-mana pihak sekiranya difikirkan patut untuk berbuat demikian.

## 10 Bilakah kegagalan menuunaikan nafkah dikira sebagai hutang?

- (a) Nafkah isteri dikira sebagai hutang apabila tidak dibayar bermula dari kewajipan membayar nafkah.
- (b) Nafkah anak dikira hutang selepas adanya perintah Mahkamah.

**11 Apakah dokumen yang diperlukan apabila membuat tuntutan nafkah di Jabatan Bantuan Guaman?**

Setiap permohonan untuk mendapatkan khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen yang berikut:

- (a) kad pengenalan;
- (b) surat rujuk;
- (c) sijil perakuan nikah;
- (d) sijil kelahiran;
- (e) surat perakuan cerai;
- (f) surat perakuan anak angkat (jika berkaitan);
- (g) dokumen lain yang berkaitan (jika ada);
- (h) penyata gaji atau bukti pendapatan;
- (i) nama/alamat/pekerjaan suami/isteri;
- (j) nama/alamat majikan suami/isteri;
- (k) penyata gaji, penyata cukai, akaun bank dan sebagainya.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

**IBU PEJABAT**

**JABATAN BANTUAN GUAMAN  
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL  
UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62692 PUTRAJAYA**

**NO. TELEFON : 03-88851000**

**NO. FAKSIMILE : 03-88851829/1830/1831**

**LAMAN WEB : [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)**

**SMS : Taip JBG MENU dan  
hantar ke 15888**

**CATATAN:**

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

JD001107 — PNMB., K.L.

# **NAFKAH BAGI ORANG YANG BERAGAMA ISLAM**



Diterbitkan oleh  
**JABATAN BANTUAN GUAMAN**